



MEMO
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



Rujukan Kami: AADK 500-6/1/1 (21)

Tarikh: 16 Mei 2023

KEPADA	SEMUA WARGA AADK
SALINAN	KP, TKPP (P), TKP(O)
DARIPADA	PKP
PERKARA	PANGGILAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN KHAS PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PPSL) UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI ANTIDADAH GRED S41 DAN PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S29

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan memo rujukan AADK 500/6/1/1 (17) bertarikh 28 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/puan, AADK akan melaksanakan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PPSL) untuk memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Antidadah Gred S41 dan Penolong Pegawai Antidadah Gred S29 pada 6 – 7 Jun 2023 di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Kajang, Selangor. Butiran peperiksaan seperti yang berikut:

BIL.	PPSL	KOD	BAHAGIAN	TARIKH/MASA PEPERIKSAAN
1.	Penolong Pegawai Antidadah Gred S29	S290A	Bahagian I (Pendidikan Pencegahan dan Kesedaran Awam)	06.06.2023 (Selasa) 08.15 – 09.45 pagi
		S290B	Bahagian II (Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan)	06.06.2023 (Selasa) 10.00 – 11.30 pagi
		S290C	Bahagian III (Penguatkuasaan dan Keselamatan)	06.06.2023 (Selasa) 2.00 – 3.30 petang
		S290D	Bahagian IV (Pengurusan)	06.06.2023 (Selasa) 3.45 – 5.15 petang

BIL.	PPSL	KOD	BAHAGIAN	TARIKH/MASA PEPERIKSAAN
2.	Pegawai Antidadah Gred S41	S410A	Bahagian I Pendidikan Pencegahan dan Kesedaran Awam	07.06.2023 (Rabu) 08.15 – 09.45 pagi
		S410B	Bahagian II Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan	07.06.2023 (Rabu) 10.00 – 11.30 pagi
		S410C	Bahagian III Penguatkuasaan dan Keselamatan	07.06.2023 (Rabu) 2.00 – 3.30 petang
		S410D	Bahagian IV Pengurusan	07.06.2023 (Rabu) 3.45 – 5.15 petang

3. Pegawai-pegawai yang telah memohon bagi menduduki peperiksaan tersebut perlu menyemak keputusan permohonan melalui sistem ePeperiksaan <https://epeperiksaan.adk.gov.my> mulai 18 Mei 2023 (Khamis). Calon-calon yang berjaya menduduki peperiksaan dikehendaki mencetak slip panggilan menduduki peperiksaan yang mengandungi maklumat angka giliran, maklumat peperiksaan dan pusat peperiksaan. Calon yang tidak membawa slip peperiksaan tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.

4. Calon-calon peperiksaan diingatkan supaya membuat persiapan rapi sebelum menghadiri peperiksaan seperti berikut:

- i. menyemak butiran dalam slip panggilan peperiksaan dan mengenal pasti pusat peperiksaan;
- ii. membawa **SLIP PANGGILAN PEPERIKSAAN, KAD PENGENALAN DAN KEPERLUAN ALAT TULIS (PEN, PENSIL 2B/HB DAN LIQUID PAPER)**; dan
- iii. berada di tempat peperiksaan 1 jam lebih awal dari waktu peperiksaan bagi mengelakkan sebarang kesesakan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Urus Setia Peperiksaan AADK di talian seperti berikut:

- i. Encik Mohd Noh Hafifie bin Mapatoba : 03-8911 2200
- ii. Puan Jamilah binti Ahmad : 03-8911 2291

Kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“DADAH TERKAWAL 2025”



(HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN)